

ARAHAN PEMERINGKATAN 2018

PERATURAN PEMERINGKATAN
KAYU KERAS GERGAJI MALAYSIA (MGR)
EDISI 2009

DAN

PERATURAN PEMERINGKATAN
KAYU GETAH BERGERGAJI (MGRR)
EDISI 2013



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA)

Kandungan	Muka surat
PENDAHULUAN	5
DEFINISI	6
SEKSYEN (A) - ARAHAN PEMERINGKATAN	7
1. Pengawasan oleh Pihak Berkuasa Pemeringkatan	8
2. Tugas-tugas Pemeriksa Kawalan Kualiti	8
3. Perkhidmatan Pemeringkatan	9
4. Sijil Kelayakan Pemeringkat	9
5. Kelayakan Memeringkat Kayu	10
6. Pemansuhan Pembaharuan Sijil Kelayakan Pemeringkat	11
7. Pembaharuan Pendaftaran Pemeringkat	12
8. Ujian Kenaikan Tahap Kelayakan Spesifikasi	12
9. Ujian Semula	13
10. Kawasan Kerja Pemeringkatan	13
11. Merekod Buku Bungkusan	14
12. Buku Perhitungan dan Ringkasan Pemeringkatan	16
13. Tanda Pada Kayu Berperingkat	17
14. Penandaan Lot Bungkusan	19
15. Kuota Bulanan Pemeringkatan	20
16. Tarikh Sah Sijil Pemeringkatan, Kemerosotan dan Pemeriksaan Semula bagi kayu	20

Kandungan	Muka surat
SEKSYEN (B) – PENJELASAN / TAMBAHAN MGR EDISI 2009	21
1. BAHAGIAN I	
• MAKLUMAT UMUM BERKENAAN PERATURAN	22
• ARAHAN BERKENAAN PENGELUARAN, DIMENSI DAN UKURAN	23
2. BAHAGIAN II	
• SPESIFIKASI PASARAN UMUM	25
3. BAHAGIAN IV	
• LAMPIRAN-LAMPIRAN	27
JAWATANKUASA TEKNIKAL PENYEMAKAN DERAf ARAHAN PEMERINGKATAN 2018	29

PENDAHULUAN

Arahan Pemeringkatan 2018 (ITG 2018) ini merupakan arahan kepada Pemeringkat yang menggantikan Arahan Pemeringkatan yang dikeluarkan sejak 1993 dan Tambahan MGR yang dikeluarkan sejak 1998. Arahan Pemeringkatan 2018 mengandungi peraturan-peraturan pentadbiran yang telah disemak semula daripada MGR Edisi 2009 dan arahan ini perlu dipatuhi bagi semua aktiviti pemeringkatan di bawah MGR Edisi 2009 dan Peraturan Pemeringkatan Kayu Getah Bergegaji (MGRR) Edisi 2013 bagi pemeringkatan kayu getah.

Terdapat beberapa penambahbaikan ITG 2018 seperti berikut:

- i. Penempatan Kawasan kerja pemeringkatan dan penyeliaan aktiviti pemeringkatan yang disempadan semula mengikut pejabat-pejabat Wilayah MTIB.
- ii. Pindaan keperluan Pendaftaran yang tidak memerlukan lagi Pemeringkat bermajikan dengan pembekal atau pun pengeksport.
- iii. Kuota bulanan maksimum pemeringkatan di tetapkan kepada 500 tan sebulan dan kuota minimum sebanyak 100 tan setahun.

Adalah diharapkan agar kualiti kerja Pemeringkat akan lebih efisien dan bermutu dengan adanya dokumen ini sebagai panduan sekaligus dapat menjaga nama baik kayu Malaysia di pasaran antarabangsa.

Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli Jawatankuasa Teknikal Penyemakan Deraf Arahan Pemeringkatan 2018 atas sumbangan idea dan tenaga yang tidak ternilai dalam penerbitan dokumen ini.

Sekian.



YBHG. DATO' DR. JALALUDDIN HARUN Fasc.

Ketua Pengarah MTIB

31 Disember 2018

1. PENGAWASAN OLEH PIHAK BERKUASA PEMERINGKATAN

- 1.1 Di bawah Arahan ini, semua kayu gergaji yang telah diperingkat oleh Pemeringkat yang berkelayakan dan berdaftar adalah tertakluk di bawah pengawasan dan seliaan Pihak Berkuasa Pemeringkatan dan tugas Penyeliaan Pemeringkat akan dilakukan oleh Pemeriksa Kawalan Kualiti. Di mana setiap Ringkasan Pemeringkatan yang masuk sehari sebelumnya bagi permohonan proses kerja Penyeliaan Pemeringkat, sekurang-kurangnya satu daripada jumlah keseluruhan ringkasan pada hari tersebut akan dipilih secara rawak dan dijalankan kerja-kerja penyeliaan di tempat kerja pemeringkatan itu dijalankan oleh Pemeringkat. Ini bagi memastikan cara-cara memeringkat kayu dan kualiti kayu yang diperingkat memenuhi kehendak yang telah digariskan di dalam Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia (MGR) Edisi 2009 dan Peraturan Pemeringkatan Kayu Getah Bergergaji (MGRR) Edisi 2013.
- 1.2 Sebanyak tidak kurang dari 10% dalam setiap satu Ringkasan Pemeringkatan (berdasarkan jumlah keping kayu atau isipadu) bagi kayu gergaji yang diperingkat di bawah MGR Edisi 2009 akan dilakukan penilaian.
- 1.3 Sebanyak tidak kurang dari 3% dalam setiap satu Ringkasan Pemeringkatan (berdasarkan jumlah keping kayu atau isipadu) bagi Kayu Getah bergergaji yang diperingkat di bawah MGRR Edisi 2013 akan dilakukan penilaian.

2. TUGAS-TUGAS PEMERIKSA KAWALAN KUÁLITI (PKK)

- 2.1 PKK merupakan kakitangan MTIB yang dipertanggungjawab di dalam mengawal selia aktiviti berkaitan kawalan mutu kayu bagi menjaga nama baik Malaysia dengan memastikan mutu kayu yang diperingkat telah memenuhi standard seperti yang digariskan di dalam MGR 2009 dan MGRR 2013 dengan memastikan secara sebaik mungkin bahawa tidak ada kayu yang dibekalkan dalam pasaran antarabangsa dan domestik boleh merosakkan nama baik kayu Malaysia.
- 2.2 Di antara tugas-tugas PKK termasuk menjalankan pemeringkatan penuh, periksa peringkat, penyeliaan Pemeringkat, penyeliaan operator Pengendali bagi loji mengering tanur serta operator loji mengawet kayu yang berdaftar dengan MTIB dan pemeriksaan fizikal ke atas barangan kayu di pintu-pintu keluar eksport bagi memastikan bahawa segala peraturan dan arahan-arahan berkaitan pengeksportan barangan kayu dipatuhi.

3. PERKHIDMATAN PEMERINGKATAN

- 3.1 Fungsi Pihak Berkuasa Pemeringkatan bukanlah untuk memberi jaminan mutu kepada pembeli-pembeli individu (dan tidak ada sebarang jaminan diberi atau dimaksudkan) tetapi adalah untuk menjaga kepentingan perdagangan eksport kayu Malaysia. Ini dilakukan dengan memastikan tidak ada kayu yang dibekalkan dalam pasaran yang boleh merosakkan nama baik kayu Malaysia.
- 3.2 Fungsi ini boleh dicapai dengan memberi nasihat-nasihat kepada pembeli-pembeli berkaitan dengan segala masalah kayu, dengan mengawasi penyediaan kayu dan dengan mengawal kerja Pemeringkat. Pemeringkatan penuh oleh PKK adalah satu perkhidmatan yang diberi oleh Pihak Berkuasa Pemeringkatan dan biasanya tertakluk kepada permohonan dari pembeli-pembeli yang berkehendakkan perkhidmatan periksa peringkat sahaja. Pihak Berkuasa Pemeringkatan tidak bertanggungjawab di atas sebarang tuntutan dan lain-lain terhadap kayu yang diterima dalam keadaan yang tidak memuaskan.
- 3.3 Pihak Berkuasa Pemeringkatan akan menentukan bayaran dan lain-lain tuntutan bagi pemeringkatan penuh dan periksa peringkat. Ia hendaklah dibayar oleh pemohon. Kaedah permohonan perkhidmatan ini ialah:-
 - i. Jika Pembekal/Pembeli tidak puas hati dengan kualiti kayu yang diperingkat oleh Pemeringkat, ia boleh pada bila-bila masa memohon secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Pemeringkatan.
 - ii. Maklum balas permohonan tersebut akan dimaklumkan dalam tempoh 3 hari bekerja. Kayu tersebut akan diperiksa semula oleh PKK dan keputusan akan diberi dalam tempoh 3 hari bekerja selepas pemeriksaan dan bayaran perkhidmatan akan dikenakan.
 - iii. Jika didapati perbezaan salah peringkat atau dan kemerosotan kualiti kayu melebihi 5% daripada sekurang-kurangnya 10% jumlah isipadu yang diperiksa peringkat, pemeringkatan penuh hendaklah dijalankan oleh PKK dan bayaran perkhidmatan akan dikenakan sekali lagi. Bayaran tidak akan dikenakan sekiranya pemeringkatan asal dibuat oleh PKK.
 - iv. Semua kecacatan yang disebabkan oleh penyimpanan tidak sempurna selepas pemeringkatan asal tidak akan diambil kira.

4. SIJIL KELAYAKAN PEMERINGKAT (C.O.C)

- 4.1 Sijil Kelayakan Pemeringkat (C.O.C) akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pemeringkatan setelah ia berpuas hati bahawa seseorang pemohon itu telah melalui latihan dan peperiksaan atau apa-apa cara yang membuktikan seseorang pemohon itu telah mencapai taraf atau kelayakan yang diperlukan sebagai seorang Pemeringkat.